

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2021 SIRI 1
MENGENAI AKTIVITI JABATAN
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI PERLIS**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2021 Siri 1 mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis. LKAN ini melaporkan dua tajuk pengauditan, iaitu satu tajuk di bawah pengauditan prestasi mengenai aktiviti jabatan dan satu tajuk berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan negeri seperti berikut:

1.1. Pengauditan Prestasi

a. Pengurusan Tanah Kawasan Lingkungan Simpanan (KLS) Negeri Perlis di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis

Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan program seperti berikut:

i. Pencapaian Output

- Pencapaian output adalah memuaskan kerana keluasan KLS mencapai 57.2% berbanding pengisytiharan sehingga 50% seperti yang ditetapkan dalam Wasiat Raja-Raja Melayu.
- Pencapaian keluasan tanah KLS yang diganti/dimasukkan melebihi keluasan KLS yang dibatalkan sebanyak 1,537%.

ii. Pencapaian Keberhasilan

- Pegangan hak milik kepada Melayu dan Siam adalah baik kerana mencapai 92%.
- Penggantian dan Pengisytiharan KLS berdasarkan kriteria serupa sifat dan belum dimajukan tidak dicapai sepenuhnya namun diluluskan oleh MMKN kerana mengambil kira keperluan pembangunan di kawasan tertentu.

iii. Pengurusan Program

Penemuan Audit bagi aspek pengurusan program adalah seperti berikut:

- kemasukan KLS sebanyak 3,717.67 hektar tidak diwartakan;

- tiada dokumen sokongan bagi rekod pembatalan KLS di Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB);
- pemberimilikan tanah tidak diisytiharkan sebagai KLS; dan
- berlaku pencerobohan di tanah KLS.

1.2. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis

a. Pens Industries Sdn. Bhd. (PISB) [Modal Berbayar RM2.99 juta] [Syarikat Subsidiari Milikan Penuh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis]

- Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah PISB telah mencapai objektif penubuhannya melalui aktiviti pembekalan bahan batuan, tadbir urus korporat yang baik dan kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.
- Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan kedudukan kewangan seperti berikut:

i. Pencapaian Output

- Pencapaian bagi KPI Keuntungan melebihi sasaran yang ditetapkan.
- Prestasi pencapaian pengeluaran *aggregate* antara 84.4% hingga 107% bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.
- Prestasi pencapaian jualan produk *premix* antara 87.6% hingga 179.9% bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Manakala pencapaian jualan produk *aggregate* antara 96.4% hingga 119% bagi tempoh yang sama.
- Prestasi pencapaian pendapatan produk *premix* antara 96.6% hingga 162.7% bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Manakala pencapaian pendapatan produk *aggregate* antara 95.6% hingga 120.5% bagi tempoh yang sama.

ii. Pencapaian Keberhasilan

- Pendapatan aktiviti pembekalan bahan batuan telah menyumbang RM48.41 juta kepada keseluruhan pendapatan PISB bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.

- Aktiviti pemindahan bahan batuan telah menyumbang sejumlah RM2.05 juta (melalui bayaran royalti) bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 kepada hasil Kerajaan negeri.
- PISB telah membayar dividen kepada PKENPs berjumlah RM1.58 juta berdasarkan keuntungan pada tahun 2018, 2019 dan 2020.

iii. Pengurusan Aktiviti

Penemuan Audit bagi aspek pengurusan program adalah seperti berikut:

- PISB telah mematuhi dengan sewajarnya peraturan berkaitan operasi pengeluaran bahan batuan iaitu pembangunan, pengeluaran, Loji Penghancur dan Loji Asfalt;
- tunggakan penghutang yang melebihi 90 hari berjumlah RM2.66 juta (33.6%);
- pada tahun 2021, penghutang meningkat sebanyak RM3.17 juta (66.9%) menjadi RM7.91 juta berbanding tahun 2020 berjumlah RM4.74 juta; dan
- tempoh kutipan hutang mencapai purata 122 hingga 155 hari bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.

iv. Tadbir Urus Korporat

Amalan tadbir urus adalah baik selaras dengan amalan terbaik tadbir urus korporat. Namun begitu, terdapat empat aspek yang perlu ditambah baik.

v. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan PISB adalah kukuh.

2. Secara keseluruhannya, sebanyak tujuh syor Audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara. Empat syor kepada Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis serta tiga syor kepada PISB.

